

Perniagaan berlandaskan syarak, kriteria jamin pendapatan berkat



Oleh Dr Mohd Adib Abd Munir
bhrencana@bh.com.my

Felo Penyelidik
Institut Pengurusan
Halal (IHM) dan
Pengerusi Program
Pentadbiran
Muamalat, Pusat
Pengkajian Perniagaan
Islam (IRIS), Universiti
Utara Malaysia (UUM)

Ramai usahawan dan peniaga berebut peluang sepanjang Ramadan untuk menjalankan aktiviti perniagaan sama ada di pasar raya, bazar atau kedai, manakala antara jualan sangat laris ialah juadah berbuka, lauk-pauk dan kuih-muih serta pakaian baju raya.

Namun, kita mendengar ramai pembeli berasa tidak puas hati apabila harga barangan terutama makanan dan minuman bukan sahaja semakin mahal, bahkan tidak berkualiti.

Contohnya, ada peniaga pakaian menjual baju raya dengan jahitan tidak kemas dan kurang berkualiti tetapi harga tidak munasabah. Juga ada peniaga bazar Ramadan menjual makanan yang tidak seperti sepatutnya hingga timbul jolokan martabak hangit serta karipap angin.

Hakikatnya, hal ini perlu diberi perhatian peniaga dan pedagang. Perniagaan antara aktiviti muamalat atau perhubungan sosial terpuji hingga dianjurkan dalam Islam.

Malah, berniaga juga bukan suatu asing dalam sirah Nabi Muhammad SAW kerana sebelum diutuskan menjadi Nabi dan Rasul, ia menjadi pekerjaan yang dilakukan Baginda.

Jika dilihat dalam sirah, Rasulullah SAW mengikuti bapa saudaranya Abu Talib ke Syam untuk berniaga dan pernah membantu Sayidatina Khadijah al-Khawaliid dalam berdagang barang.

Setiap kali Nabi Muhammad SAW berdagang, Baginda akan melakukannya dengan jujur dan amanah serta tidak sesekali menipu hingga digelar sebagai al-Amin.

Berlandaskan hukum syarak

Oleh itu, peniaga Muslim perlu berusaha menjalankan aktiviti perniagaan berlandaskan hukum syarak dan menepati beberapa kriteria tidak bercanggah antaranya tidak mengambil riba atau melakukan rasuah, membuat manipulasi serta spekulasi, menipu sukat dan timbangan.

Begitu juga mereka perlu menjauhi kesalahan seperti terbabat dengan unsur ketidakpastian atau gharar dan perjudian (maisir) yang akan membawa kepada memakan harta daripada jalan batil.

Firman Allah SWT: "Wahai orang beriman, jangan kamu memakan harta saudaramu dengan

cara batil (tidak benar), kecuali dalam perdagangan berlaku atas dasar suka sama suka antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu. Sungguh, Allah Maha Penyayang kepadamu." (An-Nisa: 29)

Ayat al-Quran itu jelas menunjukkan tindakan mengambil keuntungan dengan cara salah dilarang keras dalam Islam. Oleh itu, memang tidak dinafikan perniagaan boleh memberikan keuntungan besar buat peniaga tetapi perlu mengikuti luma syarak.

Hal ini akan menjamin pendapatan halal dan berkat dengan cara mengutamakan sifat jujur serta amanah dalam melakukan perniagaan berkenaan.

Ia bertepatan dengan hadis diriwayatkan Abu Sa'ad al-Khudri RA bahawa Nabi SAW bersabda: "Perniagaan jujur dan amanah akan bersama Nabi, orang

dipercayai (siddiq) dan golongan syahid." (Hadis riwayat Tirmidzi)

Selain itu, terdapat juga lagi hadis boleh dijadikan renungan kepada setiap ingin berniaga termasuk di bazar Ramadan, iaitu sabda Nabi SAW: "Sesungguhnya peniaga akan dibangkitkan pada kiamat dalam keadaan berdosa melainkan orang bertakwa kepada Allah SWT, berbuat kebajikan dan jujur." (HR Tirmidzi dan Ibnu Hibban)

Hakikatnya, peniaga perlu melakukan perniagaan menepati hukum syarak dan berniaga dengan jujur dan amanah kerana setiap usaha dilakukan akan dicatat dan dipertanggungjawabkan di akhirat nanti. Malah, usaha dilakukan itu juga akan memastikan mereka mendapat keuntungan dan mencapai keberkatan serta keredaan Allah SWT.

